

GARIS PANDUAN

KELULUSAN LESEN IMPORT (AP) PENERAJU GLOBAL BATTERY ELECTRIC VEHICLE (BEV) UNTUK MENARIK PELABURAN SYARIKAT PENERAJU GLOBAL KENDERAAN ELEKTRIK (EV) KE MALAYSIA

- A. Objektif : (i) Membantu merancang permintaan BEV dalam pasaran tempatan dan seterusnya mempromosikan pembangunan keseluruhan ekosistem bagi kenderaan kategori ini dalam jangka masa sederhana dan panjang; dan
- (ii) Membantu menarik minat syarikat-syarikat pengeluar BEV terkemuka global melihat potensi Malaysia dijadikan hab pemasangan dan pengedaran BEV serta membolehkan Malaysia mendapatkan manfaat dari segi pembangunan ekosistem BEV.
- B. Tempoh Pelaksanaan : 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2025
- C. Syarat Kelayakan : (i) Syarikat Pemohon
- (a) Syarikat adalah syarikat pengeluar BEV (OEM) bagi segmen BEV yang berpotensi tumbuh dengan signifikan dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini khususnya dari segi prestasi jualan BEV di peringkat global;
- (b) Syarikat mempunyai kilang yang berkapasiti minimum 1GWh dan berkemampuan untuk membekalkan bateri kenderaan elektrik selaras dengan kehendak pematuhan peraturan antarabangsa terutamanya UN38.3: Lithium Ion Testing, UNR 100: Battery Electric Vehicle atau GTR20: Battery Vehicle Safety;
- (c) Syarikat memiliki teknologi pengecasan yang mampu membekalkan teknologi ultra fast charger dengan kapasiti melebihi 180 kWh, Level 3 Direct Current Fast Charger (DCFC) selaras dengan kehendak peraturan antarabangsa iaitu ISO/IEC 61851: Electric Vehicle Conductive Charging System atau ISO/IEC 62196: Plugs, Socket-outlets, vehicle connectors and inlets;
- (d) Syarikat perlu diperbadankan di Malaysia dan berstatus 'Sdn. Bhd.' untuk menjadi syarikat pengimport; dan
- (e) Syarikat pengimport hanya dibenarkan mengimport BEV secara terus dari mana-mana kilang milik syarikat OEM bagi jenama di bawahnya.

(ii) **Kenderaan Elektrik (EV) yang layak:**

- (a) Kenderaan menggunakan bateri elektrik (*Battery Electric Vehicle*);
- (b) BEV yang diimport adalah kategori kenderaan penumpang baharu;
- (c) Hanya model BEV yang belum dipasang di Malaysia dibenarkan import;
- (d) BEV yang diimport adalah dikeluarkan oleh syarikat OEM dan perlu mematuhi United Nation Regulation No. 100 (UNR100) bagi pematuhan piawaian dan peraturan berkaitan EV; dan
- (e) BEV diimport sekurang-kurangnya Certified Level 2 Autonomous SAEJ3016 atau MS2730.

D. Agihan Peruntukan AP

- (i) Secara tahunan berdasarkan perancangan import tahunan syarikat;
- (ii) Berdasarkan model yang telah diluluskan sahaja. Permohonan tambahan model baharu perlu dikemukakan berserta dokumen teknikal sokongan untuk pertimbangan; dan
- (iii) AP yang telah diluluskan hanya sah bagi pengimportan selewat-lewatnya pada 31 Disember setiap tahun.

E. Syarat Kelulusan

(Nota: Syarat-syarat yang ditetapkan boleh dipinda oleh MITI dari masa ke semasa mengikut keperluan/ halatuju semasa negara)

: Dalam tempoh **tiga (3) tahun**, syarikat dikehendaki supaya melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Head Office, Experience/Sales Centre dan Service Centre di Malaysia;
- (ii) Memasang sekurang-kurangnya 50 unit ultra fast charger dengan kapasiti melebihi 180 kWh;
- (iii) Memastikan sekurang-kurangnya 30% daripada ultra fast charger yang telah dibangunkan di Malaysia dibuka untuk kegunaan awam iaitu untuk jenama kenderaan selain daripada jenama milik syarikat OEM;
- (iv) Mengambil dan membangunkan sekurang-kurangnya 100 orang tenaga mahir tempatan di Malaysia;

- (v) Memastikan jumlah gunatenaga sepenuh masa syarikat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% rakyat Malaysia;
- (vi) Melatih sekurang-kurangnya lima (5) pelajar dari institusi pengajian tinggi/ teknikal tempatan setahun melalui program latihan teknikal industri (*Industrial Internship*);
- (vii) Bekerjasama dengan sekurang-kurang sepuluh (10) pusat akademia seperti institut pengajian tinggi tempatan atau Pusat Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET) untuk pemindahan pengetahuan/ kemahiran dalam bidang BEV/ *Battery Management System*/ Pengelas EV atau bidang teknologi yang setaraf;
- (viii) Bekerjasama dengan sekurang-kurangnya 10 syarikat tempatan dalam membangunkan ekosistem industri perkhidmatan pengelasan EV termasuk menggunakan kontraktor tempatan yang membuat pemasangan pengelas EV, pembekal peralatan seperti *transformer*, kabel dan lain-lain lagi; dan
- (ix) Berbincang dengan MIDA berkenaan dengan perancangan syarikat untuk aktiviti pemasangan/ pengilangan kenderaan/ pengelas EV/ komponen kritikal/ perkhidmatan *Battery Reuse, Repair, Recycle or Remanufacturing (4R)*/ teknologi penyimpanan dan penjanaan tenaga di Malaysia pada akhir tahun kedua kelulusan ini.

F. Penghantaran Permohonan

: Syarikat perlu mengemukakan Permohonan AP Peneraju Global BEV berserta dokumen sokongan yang disenaraikan dalam Senarai Semak Dokumen Permohonan AP Peneraju Global BEV seperti di **LAMPIRAN 1** melalui:

Serahan Tangan

Kaunter 8
 Seksyen Kawalan Eksport dan Import
 Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 Aras 2, Menara MITI
 No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
 50480 Kuala Lumpur

(*Waktu Operasi: 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum*)

atau

Pos

Pengarah
Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 2, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

**G. Dokumen
Sokongan
Perprosesan
AP Menerusi
Sistem e-Permit**

- : (i) Surat permohonan rasmi;
(ii) Surat kelulusan MITI;
(iii) *Bill of Lading* (BL); dan
(iv) *Invoice/ Packing List*.

H. Proses Kerja

: **LAMPIRAN 2**: Carta Alir Permohonan AP Peneraju Global BEV

**I. Pertanyaan
Lanjut**

: Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan permohonan AP Peneraju Global BEV, sila hubungi:

Seksyen Kawalan Eksport dan Import
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 2, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

Nombor telefon : 03 – 6208 4710/4708/4726/4778

E-mel : ap@miti.gov.my / apluarkuota@miti.gov.my